

## Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah

*(Level of Knowledge, Skill and Attitude of Malay Language Teacher in Implementing Classroom Assessment in Primary School)*

NUR SABRINA AIMAN MOHD ROSSZI<sup>1</sup>, LOO SHU JING<sup>2</sup>,  
NUR ATHIRAH HAMIZAH YAHYA<sup>3</sup> & NOR FARAHIN ABDUL MANAF<sup>4</sup>

<sup>1</sup>*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sin Ming, Puchong, Selangor, Malaysia.*

[p130374@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130374@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bandar Springhill, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.*

[p130166@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130166@siswa.ukm.edu.my)

<sup>3</sup>*Sekolah Kebangsaan Bukit Rokan Barat (F), Gemencheh, Negeri Sembilan, Malaysia.*

[p130754@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130754@siswa.ukm.edu.my)

<sup>4</sup>*Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih, Semenyih, Selangor, Malaysia.*

[p130169@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130169@siswa.ukm.edu.my)

*Dihantar: 23 November 2023/ Diterima: 18 Mac 2024*

*Koresponden e-mel: [p130374@siswa.ukm.edu.my](mailto:p130374@siswa.ukm.edu.my)*

### ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Tujuan PBD dilaksanakan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid terhadap kandungan pembelajaran. Sesungguhnya, pelaksanaan PBD memerlukan pertimbangan profesional guru untuk menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data perkembangan penguasaan murid dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data kajian. Seramai 213 orang guru Bahasa Melayu dari 39 buah sekolah di daerah Sepang, Selangor dipilih sebagai responden. Data kajian ini dianalisis secara analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, analisis ujian-t juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan tahap pengetahuan dan sikap antara guru lelaki dan guru perempuan dalam melaksanakan PBD. Namun, terdapat perbezaan antara tahap kemahiran guru lelaki dan guru perempuan dalam melaksanakan PBD. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan tahap pengetahuan dan sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan pengalaman mengajar. Namun, terdapat hubungan signifikan yang positif pada tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan pengalaman mengajar.

**Kata Kunci:** Pengetahuan, Kemahiran, Sikap, Pentaksiran bilik darjah, guru Bahasa Melayu

### ABSTRACT

*Classroom Assessment (PBD) is a continuous assessment in teaching and learning. The purpose of PBD is to obtain information about the development, progress, abilities and achievements of students in learning content. Indeed, the implementation of PBD requires the professional judgment of teachers to guarantee the validity and reliability of data on the student mastery in learning. Therefore, this study is carried out to identify the level of knowledge, skills and attitudes of Malay language teachers in implementing PBD. This study uses a quantitative approach in the design of a survey study by using questionnaire as a research instrument. In this study, 213 respondent from Sepang district, Selangor was randomly selected. The finding of this study were analysis using descriptive statistics and inferential analysis. Based on the findings of this study, the level of knowledge, skills and attitudes among Malay Language teachers in implementing PBD is high. The analysis of T-test also shows that there is no difference in the level of knowledge and attitude between male and female teachers in implementing PBD. However, there is a difference between the skill level of male Malay Language teachers and the attitude of female teachers in implementing PBD. Correlation*

*Pearson analysis shows that there is no relationship between the level of knowledge and attitude of teachers implementing PBD and teaching experience. However, there are significant relationship between the skill level of Malay Language teachers in implementing PBD and teaching experience.*

**Keywords:** Knowledge, Skill, Attitude, Classroom assessment, Malay Language teacher

## PENGENALAN

Mulai tahun 2017, Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) telah memansuhkan sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun ke sistem penggredan tahap pencapaian murid mengikut Tahap Penguasaan (TP) 1 hingga Tahap Penguasaan (TP) 6. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) mula diperkenalkan bagi menggantikan Pentaksiran Sekolah (PS) yang dilaksanakan di sekolah sejak tahun 2011. PS merupakan pentaksiran berasaskan sekolah yang ditujukan kepada murid Tahap 2. Sistem pentaksiran ini diperkasakan di sekolah secara menyeluruh dengan melibatkan Murid Tahap 1 dan Tahap 2 selepas PBD diperkenalkan. Konsep pelaksanaan kedua-dua pentaksiran tersebut adalah sama, iaitu bertujuan menentukan Tahap Penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran.

PBD merupakan kaedah pentaksiran yang bersifat autentik dan holistik serta lebih berfokus kepada perkembangan dan pembelajaran murid dan bukan lagi berorientasikan peperiksaan (KPM 2018). PBD memerlukan guru menilai murid secara menyeluruh dari aspek kognitif (intelektual), psikomotor (jasmani) dan afektif (emosi dan rohani) (Nurul Huda & Anuar 2022). Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu, sistem pentaksiran berorientasikan PBD tidak lagi mementingkan pencapaian akademik murid semata-mata. Perkara ini turut ditegaskan dalam kajian Halimah dan Rozita (2019) yang menyatakan

bahawa PBD bukanlah bertujuan untuk menunjukkan jurang perbezaan antara tahap penguasaan murid. Sebaliknya bertujuan untuk membantu murid meningkatkan pelajaran secara menyeluruh.

Dalam pelaksanaan PBD, guru merupakan pelaksana dan memainkan peranan utama (KPM 2019). Tanggungjawab guru termasuklah merancang PBD berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), melaksanakan pengajaran dan pentaksiran di dalam bilik darjah, merekod tahap penguasaan murid serta membuat penilaian sendiri bagi menambah baik pengajaran dan pentaksiran. Dalam hal ini, penjaminan kualiti pelaksanaan PBD perlu dilakukan bagi memastikan maklumat pentaksiran yang dihasilkan adalah tepat menunjukkan perkembangan pembelajaran dan tahap penguasaan murid. Maklumat yang tepat boleh membantu guru dan juga murid melakukan perubahan yang sewajarnya bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran-PdP (KPM, 2019). Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilakukan melalui pementoran, pemantauan, penyelarasan dan pengesanan secara formal dan tidak formal oleh personel di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah (KPM 2014). Penjaminan kualiti pelaksanaan PBD bergantung kepada kesediaan guru dalam melaksanakan PBD dengan telus dan adil mengikut garis panduan pelaksanaan PBD yang ditetapkan oleh KPM.

## PERNYATAAN MASALAH

Sejajar dengan penyemakan semula Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), corak pentaksiran di peringkat sekolah rendah berubah daripada sistem peperiksaan kepada PBS sepenuhnya. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) diperkasakan di peringkat sekolah rendah dengan melibatkan murid Tahap 1 dan murid Tahap 2 bagi setiap mata pelajaran teras dan elektif. KSSR menekankan satu corak pentaksiran di peringkat sekolah yang dijalankan semasa PdP dengan mentaksir tahap penguasaan murid yang bersesuaian dengan pencapaian dan pemahaman mereka (Sh. Siti Hauzimah 2019). Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting kerana guru merupakan kumpulan yang akan mengupayakan proses PdP yang berkesan (KPM, 2018). Oleh itu,

guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta sikap yang positif dalam mata pelajaran yang diajar bagi memastikan pelaksanaan PBD adalah lancar dan berkualiti.

Namun, permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah sejauh manakah tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan PBD. Ketidaksediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran menimbulkan pelbagai isu seperti isu kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti, pentadbiran, pemantauan dan penyelarasan (Nurul Huda & Anuar 2022). Sesungguhnya, kelemahan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap semasa melaksanakan pentaksiran akan menjadikan proses pentaksiran tidak lancar.

Walaupun guru-guru sudah dibekalkan dokumen panduan untuk melaksanakan PBD, namun masih wujud situasi guru tidak mendalami dokumen-dokumen tersebut. Guru cenderung memberikan TP kepada murid berdasarkan firasat masing-masing. Situasi ini menyebabkan pelaporan PBD yang dibuat adalah tidak sah kerana murid tidak dinilai dengan prosedur yang sepatutnya. Potensi murid yang sebenarnya tidak dapat dikesan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan dalam kajian Lee dan Mohd Zahuri (2018) yang menyatakan bahawa pengetahuan dalam pentaksiran yang lemah menyebabkan guru gagal dalam memantau pencapaian murid, tidak dapat melihat pencapaian secara holistik rentetan pentaksiran yang bias, maka dengan itu potensi sebenar murid tidak dapat dilihat kerana pentaksiran tidak dijalankan dengan telus.

Kajian Annaliza et al. (2020) pula mengemukakan isu guru tidak melaksanakan PBD mengikut ketetapan standard kandungan dan standard pembelajaran yang terkandung dalam DSKP. Kajian tersebut menyatakan bahawa terdapat guru yang melaksanakan pentaksiran secara selektif, iaitu aspek yang tidak dipersetujui tidak ditaksir, sebaliknya guru hanya mentaksir aspek yang difikirkan perlu sahaja. Guru didapati tidak melaksanakan pentaksiran mengikut panduan serta kehendak yang digariskan dalam kurikulum. Misalnya pentaksiran kemahiran lisan yang melibatkan kemahiran mendengar dan bertutur ditaksir menggunakan kaedah kemahiran menulis. Cara mengendalikan pentaksiran sebegini sememangnya tidak tepat dan akan menyebabkan pencapaian kemahiran yang sebenarnya tidak dapat dikenal pasti. Keadaan ini berlaku atas sebab kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru. Masalah sikap guru tidak amanah semasa menilai TP kepada murid turut diutarakan dalam beberapa kajian. Kajian Ali dan Veloo (2017) menyatakan bahawa ada guru telah berlaku bias atau berat sebelah dalam pemberian tahap penguasaan kepada murid semasa melaksanakan pentaksiran bilik darjah seterusnya menjurus kepada pelaporan yang dihasilkan tidak tepat.

Selain daripada permasalahan kesediaan guru dalam melaksanakan PBD, isu jantina guru dalam melaksanakan PBD juga dapat dilihat menerusi dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Anuar (2022). Menurut pengkaji, tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru lelaki adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan. Hal ini bermaksud guru lelaki lebih bersedia untuk melaksanakan PBD berbanding guru perempuan. Nurazly dan Muhammad (2020) menyatakan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi pelaksanaan pentaksiran. Pendidik yang mempunyai pengalaman lebih lama boleh melakukan pemerhatian dan lebih peka terhadap perubahan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana pendidik yang sudah lama berkhidmat mempunyai kemahiran yang lebih baik berbanding pendidik baharu.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD dalam kalangan guru masih belum mencapai penjaminan kualiti yang memberangsangkan. Kajian tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD masih kurang dikaji oleh penyelidik. Pembacaan lepas mendapati bahawa hanya satu kajian yang mengkaji skop kajian ini, iaitu kajian Sh. Siti Hauzimah (2019). Namun kajian tersebut tidak dapat digeneralisasikan di seluruh Malaysia kerana kajian itu terbatas kepada lokasi kajian di daerah Betong, Sarawak. Dari segi perbezaan jantina guru dalam pelaksanaan PBD, kajian-kajian lepas masih terhad. Selain daripada itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa pengalaman mengajar guru mempengaruhi pelaksanaan PBD.

Rentetan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meninjau tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang dalam melaksanakan PBD. Kajian ini turut melihat kepada perbezaan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Bukan itu sahaja, kajian ini juga melihat hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar guru.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.
3. Mengenal pasti sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.
4. Mengenal pasti perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.
5. Mengenal pasti perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.
6. Mengenal pasti perbezaan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.
7. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.
8. Mengenal pasti hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.
9. Mengenal pasti hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

## HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, terdapat beberapa hipotesis kajian yang dibentuk, iaitu

- H<sub>0</sub>1: Tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.  
 H<sub>0</sub>2: Tidak terdapat perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.  
 H<sub>0</sub>3: Tidak terdapat perbezaan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.

H<sub>0</sub>4: Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.


H<sub>0</sub>5: Tidak terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu PBD dengan pengalaman mengajar.

H<sub>0</sub>6: Tidak terdapat hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina bertunjangan Model Proses Pendidikan Bryant (1974). Model ini menjelaskan tiga faktor utama yang menentukan keberkesanan amalan pendidikan dalam kalangan guru, iaitu faktor input, faktor gerak kerja dalam pengajaran dan sikap. Faktor input merujuk kepada pengetahuan guru. Faktor gerak kerja dalam pengajaran merujuk kepada kemahiran guru dan sikap merujuk kepada sikap guru (Nur Fatahiyah & Siti Nur Diyana 2020). Berdasarkan kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1, pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang

mempengaruhi pemboleh ubah bersandar tahap kesediaan guru melaksanakan PBD di sekolah rendah. Secara ringkasnya, kajian ini dirangka bagi melihat tahap kesediaan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Kajian ini juga melihat kepada perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Kajian ini turut melihat kepada hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar guru.



RAJAH 1: Kerangka konseptual kajian

## KAJIAN LEPAS BERKAITAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Menurut KPM (2019), PBD merupakan pentaksiran dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid secara berterusan. PBD melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap PdP dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik PdP tersebut. Maklumat yang diperolehi daripada PBD dapat membantu pihak sekolah dan ibu bapa untuk

merancang tindakan susulan ke arah menambah baik penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Guru memainkan peranan yang amat penting dalam melaksanakan PBD. Hal ini demikian kerana guru bertanggungjawab menentukan objektif pembelajaran berdasarkan Standard Pembelajaran yang hendak ditaksir, merancang dan membina instrumen pentaksiran, melaksanakan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis maklumat pentaksiran, melapor dan membuat tindakan

susunan.PBD boleh dijalankan secara formatif dan sumatif. PBD secara formatif bertujuan untuk menambah baik pembelajaran. PBD secara sumatif bertujuan untuk melihat

Kajian-kajian lepas telah melihat kepada isu dan cabaran pelaksanaan PBD, kesediaan guru melaksanakan PBD dan tahap pemahaman dan integriti guru dalam melaksanakan PBD. Mohd dan Norasmah (2019) telah menjalankan kajian tentang isu dan permasalahan pentaksiran alternatif dalam sistem penilaian di Malaysia. Terdapat beberapa kekangan pentaksiran alternatif, iaitu kesediaan guru, sikap guru, pengetahuan pentaksiran, peruntukan masa PdP, bebanan guru dan pihak autoriti. Guru tidak bersedia dengan tugas pentaksiran alternatif seperti PBS yang hanya menambahkan tugas guru. Guru-guru masih percaya pentaksiran sumatif merupakan kaedah yang terbaik untuk mentaksir murid. Dari segi peruntukan masa, pengkaji menyatakan bahawa terdapat guru yang mengajar dengan masa yang banyak dan padat dalam seminggu sehingga menyebabkan guru tidak dapat menjalankan aktiviti pentaksiran alternatif PBS dengan lebih berkesan.

Nurazly dan Muhammad (2020) juga telah mengkaji tentang isu dan cabaran pentaksiran tetapi terhadap kajian dijalankan terhadap pentaksiran kanak-kanak di taska. Pendidik di taska tidak kompeten untuk menjalankan pentaksiran kerana pengetahuan yang terbatas dalam bidang tersebut dan kekurangan latihan profesional. Pengalaman mengajar mempengaruhi pelaksanaan pentaksiran. Menurut pengkaji, pendidik yang mempunyai pengalaman lebih lama boleh melakukan pemerhatian dan lebih peka terhadap perubahan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana pendidik yang sudah lama berkhidmat mempunyai kemahiran yang lebih baik berbanding pendidik baharu.

Lee (2021) juga telah menjalankan kajian cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual (PSV) dengan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi dapat dibahagikan kepada beberapa aspek, iaitu penerimaan dan kesediaan, pengetahuan, proses, strategi dan sikap. Antara cabaran yang didapati dari aspek penerimaan dan kesediaan ialah 50% guru yang menghadiri kursus masih kurang bersedia untuk melaksanakan PBD. Dari aspek proses pula, aktiviti pemantauan kurang dijalankan dan guru bukan opsyen tidak merujuk instrumen kerana tidak faham konsep PSV. Dari aspek sikap pula, guru tidak berkomitmen dalam melaksanakan PBD dan guru bukan opsyen lebih mementingkan mata pelajaran teras yang diajar.

Selain daripada isu dan cabaran melaksanakan PBD, terdapat juga kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang pengetahuan guru, kemahiran guru, sikap guru, kesediaan guru, pemahaman guru dan integriti guru dalam melaksanakan PBD. Sh. Siti (2019) menjalankan kajian terhadap pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah guru dalam

melaksanakan PBD bahasa melayu di sekolah rendah. Kajian ini dijalankan terhadap 95 orang guru di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang pelaksanaan PBD adalah tinggi. Kajian turut mendapati bahawa kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah rendah untuk melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Bukan itu sahaja, kajian juga mendapati bahawa sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah pedalaman untuk melaksanakan PBD juga tinggi. Walaupun tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru berada pada tahap yang tinggi, kajian turut mendapati bahawa tahap masalah guru dalam melaksanakan PBD juga berada pada tahap yang tinggi.

Kalai (2020) pula telah menjalankan kajian terhadap pelaksanaan PBD dalam kalangan 10 orang guru yang mengajar tahun satu hingga tahun tiga. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat tiga cara guru melaksanakan pentaksiran, iaitu pentaksiran untuk pembelajaran, pentaksiran untuk menentukan tahap pencapaian murid dan pentaksiran kemenjadian murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PBD dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh KPM namun terdapat beberapa lompong yang masih perlu diisi. Hal ini demikian kerana berlaku pelaksanaan PBD di sekolah adalah tidak selari. Ada guru yang mementingkan pembelajaran dan ada guru yang mementingkan tahap penguasaan. Pengkaji turut menyatakan bahawa guru-guru harus mempunyai kepekaan bahawa PBD diperkenalkan dengan tujuan membantu murid-murid agar tidak keciciran dalam arus pembelajaran. Guru-guru memahami tujuan PBD diperkenalkan, namun belum menzahiri sepenuhnya proses pelaksanaan PBD seperti yang diharatkan.

Tan dan Husaina (2020) telah menjalankan kajian terhadap PBD dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Hulu Langat, Selangor. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pelaksanaan PBD sebelum PdP, semasa PdP dan selepas PdP berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan PBD guru dan prestasi murid. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mengkaji hubungan antara pelaksanaan PBD dengan pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelaksanaan PBD berdasarkan pengalaman mengajar. Mohd Malik et al. (2020) pula telah menjalankan kajian terhadap hubungan antara sikap, kesediaan dan integriti guru dan PBS. Sikap guru terhadap pelaksanaan PBS berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kesediaan guru dengan pelaksanaan PBS dan terdapat hubungan antara sikap guru dan pelaksanaan PBS.

Rozita et al. (2021) telah menjalankan kajian terhadap kesediaan guru mentaksir murid dalam penulisan Bahasa Melayu di 91 sekolah menengah

dari tujuh daerah yang berbeza. Dapatan kajian mendapati bahawa aspek menentukan tahap penguasaan penulisan murid berada pada tahap yang tinggi. Bukan itu sahaja, tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan kemahiran menulis dan tahap pemahaman dalam melaksanakan kemahiran menulis juga berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru yang terlibat dalam kajian mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran menulis.

Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) pula telah menjalankan kajian terhadap penilaian pelaksanaan PBD dalam kalangan guru matematik sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua aspek berada pada tahap yang tinggi. Aspek-aspek ini merangkumi penataran dan penguasaan PBD guru, kesediaan guru melaksanakan PBD, perancangan dan pelaksanaan PBD, penerimaan guru terhadap PBD dan kekangan guru melaksanakan PBD. Ashma et al. (2022) pula telah menjalankan kajian terhadap tahap pemahaman dan integriti guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD di sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman dan tahap integriti guru dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Dapatan turut menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu telah menjalankan PBD dengan telus dan mempunyai pengetahuan yang luas sebelum mengisi tahap pencapaian yang diperoleh oleh murid dengan cara mengisi borang transit dalam setiap sesi PdP.

Kajian Hazuriana dan Khairul (2022) menunjukkan bahawa kesediaan guru dari segi tahap pengetahuan dan tahap kemahiran berada pada tahap yang tinggi. Menurut pengkaji, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi dapat melancarkan proses pentaksiran terhadap murid secara telus dan tepat. Kesediaan guru yang tinggi ini, membuktikan bahawa guru sememangnya tunjang dalam melaksanakan perubahan sistem pendidikan negara demi kemenjadian murid. Kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) pula dilaksanakan untuk mengkaji kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam PdP di daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah melaksanakan PBD berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian turut mencatatkan tahap kemahiran guru Sejarah dan sikap guru dalam melaksanakan PBD berada pada tahap sederhana. Kajian turut melihat kepada perbezaan jantina guru. Terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan menerusi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap. Tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru lelaki adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan.

Kebanyakan kajian lepas dilaksanakan menerusi reka bentuk kajian kuantitatif. Terdapat juga kajian lepas yang dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif. Ashma dan Wan Muna (2023) telah menjalankan kajian kualitatif terhadap kesediaan guru Bahasa Melayu tahun enam dalam

melaksanakan PBD. Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru mengetahui tentang dokumen penyediaan dokumen standard PBD semasa menjalankan pentaksiran di dalam kelas. Amalan kolaboratif juga dilihat banyak membantu guru-guru bahasa untuk lebih mengetahui secara mendalam tentang pentaksiran PBD. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu sentiasa bersedia dengan apa jua perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Profesionalisme guru dapat ditingkatkan dengan adanya sifat keguruan yang jati dan menjalankan PdP Bahasa Melayu tanpa adanya penolakan.

Selain daripada kajian lepas berkaitan pelaksanaan PBD, terdapat juga beberapa kajian yang dilaksanakan untuk melihat perbezaan antara jantina. Kajian Jeffery (2018) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan sikap antara guru lelaki dan guru perempuan terhadap pemilihan bahan bantu mengajar. Kajian ini disokong oleh kajian Salimiah dan Zamri (2020) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan bagi penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Ngo (2020) menunjukkan perbezaan antara guru perempuan dan guru lelaki. Ngo (2020) telah menjalankan kajian tentang perbezaan jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu SJKC terhadap pengajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru perempuan Bahasa Melayu SJKC lebih berpengetahuan tentang kurikulum PKJR berbanding guru lelaki Bahasa Melayu SJKC.

Namun demikian, faktor kemahiran dan sikap menunjukkan guru lelaki Bahasa Melayu SJKC lebih berkemahiran dan lebih bersikap positif dalam mengaplikasikan kurikulum PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) turut melihat kepada perbezaan jantina guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan menerusi tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan sikap guru lelaki adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan.

Dari aspek pengalaman mengajar pula, kajian Ngo (2020) mendapati bahawa faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi pengetahuan dan sikap guru terhadap pengajaran PKJR. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Marni (2020) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan penerimaan guru Bahasa Melayu terhadap persekitaran pembelajaran maya tidak dipengaruhi oleh tempoh jangka masa guru mengajar. Kajian Salimiah dan Zamri (2020) turut mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan terhadap penerapan Didik Hibur semasa pengajaran bersemuka dan dalam talian berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian Tan dan Husaina (2020) juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelaksanaan PBD berdasarkan pengalaman mengajar. Namun

demikian, kajian oleh Nurazly dan Muhammad (2020) menyatakan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi pelaksanaan pentaksiran. Menurut pengkaji, pendidik yang mempunyai pengalaman

lebih lama boleh melakukan pemerhatian dan lebih peka terhadap perubahan kanak-kanak.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah satu tatacara pengolahan data yang dikutip berdasarkan kepada perancangan yang spesifik dan sistematik bagi mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif kajian (Creswell 2012). Menurut Creswell (2012) kajian tinjauan digunakan untuk mengenal pasti sikap, kepercayaan, pandangan dan amalan. Oleh hal yang demikian kajian tinjauan merupakan reka bentuk yang paling sesuai untuk menjalankan kajian terhadap tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.

Dalam kajian ini, reka bentuk yang digunakan ialah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dan inferensi. Salah satu tujuan kajian adalah untuk menerangkan situasi atau sesuatu program. Pengkaji

akan menerangkan secara deskriptif dapatan kajian yang diperoleh (Babbie 2002). Justeru, reka bentuk kajian ini berbentuk deskriptif di mana dapatan kajian yang diperoleh secara deskriptif. Mathers et al. (2009) juga menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan kaedah yang tepat untuk mengumpulkan data bagi membuktikan situasi dan amalan-amalan yang wujud dalam kalangan sampel kajian. Justeru, kelebihan kajian tinjauan tersebut didapati bersesuaian dengan objektif kajian ini, iaitu mengenal pasti pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD, kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD dan sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD.

### Populasi dan Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada keseluruhan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor, iaitu seramai 463 orang. Sampel kajian mengambil keseluruhan populasi ini menggunakan persampelan bertujuan. Namun demikian, hanya 213 orang guru Bahasa Melayu yang menjawab soal selidik yang diberikan. Oleh itu, responden sebenar yang digunakan dalam kajian ini ialah 213 orang guru Bahasa Melayu dari semua sekolah rendah yang terdapat di daerah Sepang, Selangor. Faktor-faktor pemilihan lokasi ini dibuat kerana memenuhi

syarat keperluan dan tujuan kajian ini, iaitu sebanyak 39 buah sekolah rendah di daerah Sepang yang telah diberikan pendedahan tentang cara melaksanakan PBD. Lokasi ini berhampiran dengan daerah tempat pengkaji bekerja. Hal ini secara tidak langsung memudahkan pengkaji untuk mentadbir data termasuklah proses pengedaran dan pengumpulan data yang dilakukan. Bilangan guru Bahasa Melayu dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Bilangan guru Bahasa Melayu bagi 39 buah sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor

Bilangan dan Sekolah Rendah di Daerah Sepang	Responden (Bilangan Guru BM)	Soal Selidik Dikembali	Bilangan dan Sekolah Rendah di Daerah Sepang	Responden (Bilangan Guru BM)	Soal Selidik Dikembali
1. SK Taman Putra Perdana	32	10	2. SK Jenderam	7	5
3. SK Taman Putra Perdana 2	31	10	4. SK Sg Pelek	7	5
5. SK Kota Warisan	26	8	6. SK Bkt Bangkong	6	4
7. SK Bandar Baru Salak Tinggi	24	7	8. SK Bukit Tampoi (Orang Asli)	4	4
9. SK Cyberjaya	24	8	10. SK Sg Melut (Orang Asli)	3	3
11. SK Taman Seroja	22	7	12. SJKC Sin Ming	27	11
13. SK Salak	20	6	14. SJKC Dengkil	9	5
15. SK KLIA	18	7	16. SJKC Union	9	5
17. SK Dengkil	17	7	18. SJKC Wah Lian	9	5
19. SK Desa Pinggiran Putra	16	6	20. SJKC Tche Min	6	5
21. SK Dato' Abu Bakar Baginda	15	7	22. SJKC Sepang	4	3
23. SK Sg Merab Luar	13	7	24. SJKC Chio Chiao	3	3
25. SK Taman Pantai Sepang Putra	13	6	26. SJKT Bdr Baru Salak Tinggi	6	5
27. SK Kg Baharu Labu Lanjut	12	6	28. SJKT Dengkil	5	4
29. SK Pulau Meranti	12	6	30. SJKT Taman Permata	5	4
31. SK Sungai Rawang	11	7	32. SJKT Ldg West Country Barat	4	3
33. SK Desa Putra	10	6	34. SJKT Sepang	4	3
35. SK Jenderam Hilir	9	6	36. SJKT Ladang Ampar Tenang	2	2
37. SK Methodist	8	5	38. SJKT Ladang Bute	2	2
<b>Jumlah</b>			<b>N = 463</b>		<b>N = 213</b>

SK – Sekolah Kebangsaan, SJKC – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, SJKT – Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil  
Sumber: Pentadbiran Sekolah (2023)

## Instrumen Kajian

Dalam sesebuah kajian, pemilihan instrumen adalah sangat penting bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan pengkaji supaya menepati objektif kajian. Instrumen adalah kayu ukur untuk menentukan sama ada maklumat yang diperolehi atau sebaliknya dapat mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang hendak dikaji. Pengkaji menggunakan alat ukur soal selidik dalam kajian ini kerana menurut pandangan Mohd. Majid (2004) soal selidik merupakan alat ukur yang sesuai, tepat dan benar untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian pengkaji. Ini kerana gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku pengkaji kerana pengkaji tidak hadir sama semasa subjek memberikan tindak balasnya.

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah terdiri daripada item-item soal

selidik yang diadaptasi daripada instrumen kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) dan Nurul Huda dan Anuar (2022). Soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian. Bahagian A ialah bahagian demografi atau latar belakang responden, Bahagian B ialah soal selidik mengenai pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD, Bahagian C mengenai kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD dan Bahagian D mengenai sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima pilihan jawapan, iaitu menggunakan skala Likert lima mata. Guru-guru perlu menjawab soal selidik berdasarkan skala Likert lima mata. Setiap item dalam instrumen mempunyai lima pilihan jawapan, iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Kurang setuju, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

## Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data ini melibatkan prosedur sebelum menjalankan kajian dan prosedur semasa menjalankan kajian yang perlu dipatuhi oleh pengkaji. Kaedah pengumpulan data adalah aspek yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini kerana pengumpulan data yang tidak relevan atau tidak tepat akan memberikan impak terhadap dapatan sesebuah kajian. Dalam kajian tinjauan yang dilaksanakan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah tertentu untuk mendapatkan data kajian yang boleh menjawab objektif dan persoalan kajian.

Langkah yang pertama, pengkaji meminta kebenaran daripada pihak sekolah untuk

menjalankan soal selidik terhadap guru yang berkaitan. Permohonan untuk mendapatkan senarai nama guru-guru Bahasa Melayu daripada pentadbiran sekolah juga dilakukan sebagai rujukan pengkaji untuk menentukan jumlah borang soal selidik yang perlu diedarkan kepada sekolah-sekolah berkenaan. Bagi memudahkan pihak responden menghantar soal selidik, kerjasama bersama Ketua Panitia dilakukan bagi membantu mengedarkan pautan soal selidik menggunakan aplikasi *Google Form*. Proses pengumpulan data hanya mengambil masa dua minggu sahaja. Pemerolehan data kajian ini dibuat secara beretika.

## Analisis Data

Proses menganalisis data melibatkan dua jenis statistik, iaitu statistik deskriptif yang merujuk kepada pemerihalhan sesuatu peristiwa dengan menyajikan data kajian dalam bentuk teknik pengukuran yang mudah mudah dan statistik inferensi, iaitu bersifat rumusan kepada populasi kajian (descriptif and inferensi). Data soal selidik yang diperolehi daripada 213 orang guru dianalisis secara sistematik menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 27.0. Data dianalisis secara deskriptif untuk tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu dalam

melaksanakan PBD. Ujian-t dibuat untuk mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Analisis korelasi Pearson dibuat untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar. Bacaan skor min bagi tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru melaksanakan PBD berpandukan interpretasi daripada kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) seperti mana yang dikemukakan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Interpretasi skor min

Purata Min	Interpretasi Skor Min
1.00 - 2.66	Rendah
2.67 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi



## DAPATAN KAJIAN

Analisis data yang telah ditetapkan menggunakan soal selidik yang diperolehi daripada 213 orang guru Bahasa Melayu di 39 buah sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Penganalisan data dibuat dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 27.0 dan hasil ditunjukkan dalam bentuk kekerapan, peratus dan

min. Hasil dapatan kajian juga dikelaskan kepada dua bahagian, iaitu analisis profil responden dan analisis mengenai soal selidik yang bertujuan menjawab persoalan kajian dan seterusnya memenuhi kehendak objektif kajian.

### Profil Responden

Kajian ini melibatkan seramai 213 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Bahagian ini menjelaskan maklumat deskriptif berhubung sampel kajian ini mengikut beberapa aspek seperti jantina, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik tertinggi. Profil responden ini secara terperinci dipaparkan seperti Jadual 3.

JADUAL 3: Kekerapan dan peratusan demografi responden

Kategori		Kekerapan N = 213	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	81	38.0
	Perempuan	132	62.0
Pengalaman Mengajar	3 tahun ke bawah (novis)	68	31.9
	4 – 9 tahun (cekap)	44	20.7
	10 – 14 tahun (mahir)	61	28.6
	15 tahun ke atas (pakar)	40	18.8
Kelulusan Akademik	Sarjana	13	6.1
	Sarjana Muda	188	88.3
	Diploma	1	0.5
	Sijil Perguruan	11	5.2

Berdasarkan komposisi jantina yang ditunjukkan dalam Jadual 3, didapati seramai 81 orang (38%) responden terdiri daripada guru lelaki dan 132 orang (62%) responden terdiri daripada guru perempuan. Melalui kekerapan dan peratusan jantina ini dapat disimpulkan bahawa guru bahasa Melayu di daerah Sepang majoriti terdiri daripada guru perempuan.

Dari segi pengalaman mengajar, seramai 68 orang (31.9%) dikategorikan sebagai guru novis dengan pengalaman mengajar hanya 3 tahun ke bawah. Seterusnya, seramai 44 orang (20.7%) guru cekap dengan pengalaman mengajar 4 hingga 9 tahun, 61 orang (28.6%) guru mahir dengan pengalaman mengajar 10 hingga 14 tahun dan 40 orang (18.8%) ialah guru pakar dengan pengalaman mengajar melebihi 15 tahun. Hal ini menunjukkan responden paling tinggi bilangannya ialah guru novis. Hal ini menunjukkan rata-rata guru yang

berkhidmat di sekolah di daerah Sepang merupakan guru yang masih di peringkat awal perkhidmatan atau novis. Sekolah-sekolah tersebut merupakan penempatan pertama mereka sebagai seorang warga pendidik selepas tamat pengajian di IPG atau universiti.

Dari segi kelayakan akademik, Jadual 3 menunjukkan bahawa guru yang memiliki sekurang-kurangnya sijil perguruan adalah seramai 11 orang (5.2%), manakala guru yang memiliki diploma adalah paling kurang, iaitu seramai seorang (0.5%). Guru yang memiliki ijazah sarjana muda merupakan yang tertinggi dengan kekerapannya seramai 188 orang (88.3%). Guru yang memiliki sarjana mempunyai kekerapan sebanyak 13 orang (6.1%). Melalui maklumat ini, dapat disimpulkan bahawa majoriti guru sudah mempunyai kelayakan minimum, iaitu ijazah sarjana muda.

### Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

**Soalan Kajian Pertama:** Apakah tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD? Bagi menjawab soalan kajian pertama ini, tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD dikenal pasti berdasarkan 10 item yang terdapat dalam soal selidik Bahagian B. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS =

Tidak Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4. Berikut diuraikan secara terperinci tentang item-item yang menunjukkan maklum balas responden tentang tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD.

JADUAL 4: Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD

Bil.	Pernyataan Item Pengetahuan	Kekerapan dan Peratusan					Min	Tahap Min
		STS	TS	KS	S	SS		
1.	Saya tahu konsep pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	6 (2.8)	128 (60.1)	77 (36.2)	4.31	Tinggi
2.	Saya tahu matlamat dan objektif pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	11 (5.2)	123 (57.5)	77 (36.2)	4.29	Tinggi
3.	Saya tahu kriteria pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	15 (7.0)	123 (57.5)	73 (34.3)	4.25	Tinggi
4.	Saya tahu menguruskan PBD dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	1 (0.5)	15 (7.0)	126 (59.2)	71 (33.3)	4.25	Tinggi
5.	Saya tahu pentaksiran Bahasa Melayu perlu merujuk kepada Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu yang telah ditetapkan.	-	2 (0.9)	7 (3.3)	95 (44.6)	109 (51.2)	4.46	Tinggi
6.	Saya tahu aspek kemahiran yang perlu ditaksir dalam PBD mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	5 (2.3)	108 (50.7)	98 (46.0)	4.42	Tinggi
7.	Saya tahu kaedah pelaksanaan PBD yang sesuai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	11 (5.2)	108 (50.7)	92 (43.2)	4.36	Tinggi
8.	Saya tahu membina instrumen yang sesuai untuk PBD mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	2 (0.9)	35 (16.4)	109 (51.2)	67 (31.5)	4.13	Tinggi
9.	Saya tahu pentaksiran yang dilaksanakan perlu dilaporkan dalam sistem pelaporan luar talian.	-	2 (0.9)	5 (2.3)	90 (42.3)	116 (54.5)	4.50	Tinggi
10.	Saya tahu tanggungjawab saya dalam melaksanakan PBD sebagai guru mata pelajaran Bahasa Melayu.	-	1 (0.5)	9 (4.2)	122 (57.3)	81 (38.0)	4.33	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>						<b>4.33</b>	<b>Tinggi</b>	

Merujuk Jadual 4, julat min tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang pelaksanaan PBD adalah antara 4.13 hingga 4.50. Semua item berada pada tahap tinggi. Skor min paling tinggi adalah pada item 9 “*Saya tahu pentaksiran yang dilaksanakan perlu dilaporkan dalam sistem pelaporan luar talian*”. Berdasarkan analisis, 42.3% guru setuju dan 54.5% guru sangat setuju bahawa mereka tahu pentaksiran yang dilaksanakan perlu dilaporkan dalam sistem pelaporan luar talian. Walau bagaimanapun, 0.9% tidak setuju dan 2.3% kurang setuju bahawa mereka tahu pentaksiran yang dilaksanakan perlu dilaporkan dalam sistem pelaporan luar talian.

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 4.13, iaitu item 8 “*Saya tahu membina instrumen yang*

*sesuai untuk PBD mata pelajaran bahasa Melayu*”. Berdasarkan analisis, 51.2% guru setuju dan 31.5% guru sangat setuju bahawa mereka tahu membina instrumen yang sesuai untuk PBD mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, ada sesetengah guru cenderung memberi respons negatif, iaitu 16.4% guru kurang setuju dan 0.9% guru tidak setuju yang mereka tahu membina instrumen yang sesuai untuk PBD mata pelajaran Bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah min 4.33. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD adalah sangat memuaskan.

### Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

**Soalan Kajian Kedua:** Apakah tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD? Bagi menjawab soalan kajian kedua ini, tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD dikenal pasti berdasarkan 10 item yang terdapat dalam soal selidik Bahagian C. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS = Tidak

Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Berikut dihuraikan secara terperinci tentang item-item yang menunjukkan maklum balas responden tentang tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD.

JADUAL 5: Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD

Bil.	Pernyataan Item Kemahiran	Kekerapan dan Peratusan					Min	Tahap Min
		STS	TS	KS	S	SS		
1.	Saya melaksanakan PBD secara berterusan sepanjang PdP berlangsung di dalam kelas.	-	2 (0.9)	10 (4.7)	130 (61.0)	71 (33.3)	4.27	Tinggi
2.	Saya menetapkan objektif pentaksiran yang hendak dinilai semasa membina rancangan mengajar dan instrumen pentaksiran.	-	1 (0.5)	6 (2.8)	158 (74.2)	48 (22.5)	4.19	Tinggi
3.	Saya merancang PdP dengan rapi bagi memastikan saya mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan pentaksiran.	-	1 (0.5)	14 (6.6)	167 (78.4)	31 (14.6)	4.07	Tinggi
4.	Saya mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang sesuai dengan kemahiran yang ditaksir semasa mentaksir murid.	-	1 (0.5)	20 (9.4)	159 (74.6)	33 (15.5)	4.05	Tinggi
5.	Saya mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan murid semasa mentaksir murid.	-	3 (1.4)	35 (16.4)	143 (67.1)	32 (15.0)	3.96	Tinggi
6.	Saya menilai murid berdasarkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Standard Prestasi dan Tahap Penguasaan yang ditetapkan dalam DSKP Bahasa Melayu.	-	1 (0.5)	6 (2.8)	113 (53.1)	93 (43.7)	4.40	Tinggi
7.	Saya menyimpan evidens pentaksiran murid sebagai bukti pelaksanaan PBD.	-	2 (0.9)	16 (7.5)	144 (67.6)	51 (23.9)	4.15	Tinggi
8.	Saya mencatatkan tahap penguasaan murid dalam borang perekodan setiap kali melaksanakan pentaksiran.	-	1 (0.5)	7 (3.3)	109 (51.2)	96 (45.1)	4.41	Tinggi
9.	Saya membuat pelaporan PBD dalam templat pelaporan (fail Microsoft Excel) secara luar talian dua kali setahun.	-	1 (0.5)	4 (1.9)	101 (47.4)	107 (50.2)	4.47	Tinggi
10.	Saya menganalisis data pentaksiran untuk merancang tindakan susulan bagi meningkatkan tahap penguasaan murid.	-	3 (1.4)	33 (15.5)	138 (64.8)	39 (18.3)	4.00	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>						<b>4.20</b>	<b>Tinggi</b>	

Berdasarkan Jadual 5, julat min tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD adalah antara 3.96 hingga 4.47. Kesemua item berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian menunjukkan item 9 “*Saya membuat pelaporan PBD dalam templat pelaporan (fail Microsoft Excel) secara luar talian dua kali setahun.*” mempunyai skor min yang paling tinggi dengan nilai min sebanyak 4.47. Merujuk taburan soal selidik, 47.4% daripada 213 orang guru setuju bahawa mereka membuat pelaporan PBD dalam templat pelaporan (fail Microsoft Excel) secara luar talian dua kali setahun. Selain itu, sebanyak 50.2% guru juga sangat setuju bahawa mereka membuat pelaporan PBD dalam templat pelaporan (fail Microsoft Excel) secara luar talian dua kali setahun. Walau bagaimanapun, sebanyak 1.9% guru kurang setuju dan 0.5% guru tidak setuju bahawa mereka membuat pelaporan PBD dalam templat pelaporan (fail Microsoft Excel) secara luar talian dua kali setahun.

Dapatan kajian juga menunjukkan skor min terendah pada item 5 “*Saya mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan murid semasa mentaksir murid.*” dengan nilai min sebanyak 3.96. Jika dianalisis taburan soal selidik, 67.1% guru setuju dan hanya 15% guru sangat setuju bahawa mereka mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan murid semasa mentaksir murid. Sementara itu, 16.4% guru kurang setuju dan 1.4% tidak setuju bahawa mereka mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan murid semasa mentaksir murid.

Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap yang tinggi, iaitu sangat memuaskan. Purata skor min bagi tahap ini ialah min 4.20. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa guru-guru Bahasa Melayu di sekolah daerah Sepang berkemahiran tinggi dalam melaksanakan PBD semasa mengajar Bahasa Melayu.

### Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah

**Soalan Kajian Ketiga:** Apakah sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD Bagi menjawab soalan kajian ketiga ini, sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD dikenal pasti berdasarkan 10 item yang terdapat dalam soal selidik Bahagian D. Item ini diukur menggunakan skala Likert lima

mata, iaitu (1) STS = Sangat Tidak Setuju, (2) TS = Tidak Setuju, (3) KS = Kurang Setuju (4) S = Setuju dan (5) SS = Sangat Setuju. Analisis kekerapan, peratusan dan skor min telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6. Berikut diuraikan secara terperinci tentang item-item yang

menunjukkan maklum balas responden tentang sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD.

JADUAL 6: Sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD

Bil.	Pernyataan Item Sikap	Kekerapan dan Peratusan					Min	Tahap Min
		STS	TS	KS	S	SS		
1.	Saya sentiasa membuat persediaan rapi sebelum melaksanakan pentaksiran terhadap murid.	-	2 (0.9)	20 (9.4)	170 (79.8)	21 (9.9)	3.99	Tinggi
2.	Saya sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan PBD bahasa Melayu.	-	3 (1.4)	23 (10.8)	152 (71.4)	35 (16.4)	4.03	Tinggi
3.	Saya menyediakan fail untuk menyimpan dokumen-dokumen berkaitan PBD seperti DSKP dan borang perekodan PBD.	-	2 (0.9)	18 (8.5)	149 (70.0)	44 (20.7)	4.10	Tinggi
4.	Saya sentiasa berpegang kepada buku Panduan Pelaksanaan PBD dan DSKP bahasa Melayu semasa melaksanakan PBD.	-	3 (1.4)	30 (14.1)	148 (69.5)	32 (15.0)	3.98	Tinggi
5.	Saya sentiasa melaksanakan PBD bahasa Melayu dengan telus dan adil.	-	2 (0.9)	29 (13.6)	126 (59.2)	56 (26.3)	4.11	Tinggi
6.	Saya melaksanakan PBD berulang kali untuk memastikan murid melepasi tahap penguasaan minima.	1 (0.5)	3 (1.4)	28 (13.1)	147 (69.0)	34 (16.0)	3.99	Tinggi
7.	Saya sentiasa menjalankan tindakan susulan untuk meningkatkan pencapaian murid.	-	4 (1.9)	31 (14.6)	153 (71.8)	25 (11.7)	3.93	Tinggi
8.	Saya sentiasa membuat refleksi sendiri untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan PBD.	-	4 (1.9)	38 (17.8)	143 (67.1)	28 (13.1)	3.92	Tinggi
9.	Saya sentiasa berbincang dengan guru bahasa Melayu yang lain, ketua panitia atau pentadbir sekolah tentang pelaksanaan PBD.	-	6 (2.8)	40 (18.8)	148 (69.5)	19 (8.9)	3.85	Tinggi
10.	Saya berminat untuk menghadiri taklimat/ bengkel/ kursus berkaitan PBD bahasa Melayu yang dianjurkan oleh PPD atau JPN.	-	7 (3.3)	60 (28.2)	119 (55.9)	27 (12.7)	3.78	Tinggi
<b>Keseluruhan Min</b>						<b>4.07</b>	<b>Tinggi</b>	

Hasil analisis deskriptif seperti Jadual 6 menunjukkan julat min sikap guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD adalah antara 3.78 hingga 4.11. Kesemua 10 item berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan skor min tertinggi merujuk kepada item 5 “*Saya sentiasa melaksanakan PBD Bahasa Melayu dengan telus dan adil*” dengan nilai min 4.11. Merujuk taburan soal selidik, 59.2% daripada 213 orang guru setuju bahawa mereka sentiasa melaksanakan PBD Bahasa Melayu dengan telus dan adil. Selain itu, terdapat 26.3% guru yang sangat setuju bahawa mereka sentiasa melaksanakan PBD Bahasa Melayu dengan telus dan adil. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil guru iaitu 13.6% kurang setuju dan 0.9% tidak setuju bahawa mereka sentiasa melaksanakan PBD Bahasa Melayu dengan telus dan adil.

Seterusnya, dapatan kajian diikuti dengan item yang mempunyai skor min terendah sebanyak 3.78, iaitu item 10 “*Saya berminat untuk menghadiri taklimat/ bengkel/ kursus berkaitan PBD Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh PPD atau JPN*”.

Berdasarkan taburan soal selidik, 55.9% daripada 213 orang guru setuju bahawa mereka berminat untuk menghadiri taklimat, bengkel atau kursus berkaitan PBD Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh PPD atau JPN. Hanya 12.7% guru sahaja yang sangat setuju bahawa mereka berminat untuk menghadiri taklimat, bengkel atau kursus berkaitan PBD Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh PPD atau JPN. Terdapat juga sebilangan guru yang menunjukkan respons negatif, iaitu sebanyak 28.2% guru kurang setuju dan 3.3% guru tidak setuju bahawa mereka berminat untuk menghadiri taklimat, bengkel atau kursus berkaitan PBD Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh PPD atau JPN.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapati sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap tinggi. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah min 4.07. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa sikap guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Sepang dalam melaksanakan PBD adalah sangat memuaskan.

#### Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina

**Soalan Kajian Keempat:** Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina?

**H<sub>0</sub>1:** Tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.

JADUAL 7: Perbezaan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig (2-tailed)
Lelaki	81	4.31	0.440	-0.365	0.716
Perempuan	132	4.34	0.507		

Berdasarkan Jadual 7, hasil analisis ujian-t di atas ialah nilai signifikan (2-tailed) ialah  $p=0.716$ ;  $p>0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu

melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan (min=4.34, SP=0.507) mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi daripada guru lelaki (min=4.31, SP=0.440).

#### Perbezaan Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina

**Soalan Kajian Kelima:** Adakah terdapat perbezaan antara tahap kemahiran guru bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina? **H<sub>0</sub>2:**

Tidak terdapat perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.

JADUAL 8: Perbezaan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig (2-tailed)
Lelaki	81	4.08	0.279	-3.566	0.004
Perempuan	132	4.26	0.442		

Berdasarkan Jadual 8, hasil analisis ujian-t di atas ialah nilai signifikan (2-tailed) ialah  $p=0.0004$ ;  $p<0.05$ , maka **hipotesis null ditolak**. Hal ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD

berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan (min=4.262, SP=0.442) mempunyai tahap kemahiran yang lebih tinggi daripada guru lelaki (min=4.086, SP=0.279).

#### Perbezaan Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina

**Soalan Kajian Keenam:** Adakah terdapat perbezaan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina? **H<sub>0</sub>3:**

Tidak terdapat perbezaan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina.

JADUAL 9: Perbezaan antara sikap guru bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina

	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig (2-tailed)
Lelaki	81	3.924	0.408	-0.992	0.322
Perempuan	132	3.992	0.525		

Berdasarkan Jadual 9, hasil analisis ujian-t di atas ialah nilai signifikan (2-tailed) ialah  $p=0.322$ ;  $p>0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan

PBD berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan (min=3.992, SP=0.525) mempunyai sikap yang lebih positif daripada guru lelaki (min=3.924, SP=0.408).

#### Perhubungan Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan Pengalaman Mengajar

**Soalan Kajian Ketujuh:** Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman

mengajar? **H<sub>0</sub>4:** Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

JADUAL 10: Perhubungan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar

Korelasi		Pengalaman Mengajar	Tahap Pengetahuan
Pengalaman Mengajar	Korelasi Pearson	1	-0.084
	Sig. (2-tailed)	-	0.221
	N	213	213
Tahap Pengetahuan	Korelasi Pearson	-0.084	1
	Sig. (2-tailed)	0.221	-
	N	213	213

Berdasarkan Jadual 10, hasil analisis di atas menunjukkan N atau jumlah data ialah 213. Seterusnya, analisis juga menunjukkan bahawa  $r(211)=-0.084$ ,  $p=0.221$  ( $p>0.05$ ), maka **hipotesis**

**null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

#### Perhubungan Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Dengan Pengalaman Mengajar

**Soalan Kajian Kelapan:** Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman

mengajar? **H<sub>0</sub>5:** Tidak terdapat hubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

JADUAL 11: Perhubungan antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar

Korelasi		Pengalaman Mengajar	Tahap Kemahiran
Pengalaman Mengajar	Korelasi Pearson	1	-0.205**
	Sig. (2-tailed)	-	0.003
	N	213	213
Tahap Kemahiran	Korelasi Pearson	-0.205**	1
	Sig. (2-tailed)	0.003	-
	N	213	213

Berdasarkan Jadual 11, hasil analisis di atas menunjukkan N atau jumlah data ialah 213. Seterusnya, analisis juga menunjukkan bahawa  $r(211)=-0.205$ ,  $p=0.003$  ( $p<0.05$ ), maka **hipotesis**

**null ditolak**. Hal ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan yang positif antara tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

#### Perhubungan Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan Pengalaman Mengajar

**Soalan Kajian Kesembilan:** Adakah terdapat hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar?

**H<sub>0</sub>6:** Tidak terdapat hubungan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

JADUAL 12: Perhubungan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar

Korelasi		Pengalaman Mengajar	Tahap Sikap
Pengalaman Mengajar	Korelasi Pearson	1	-0.032
	Sig. (2-tailed)	-	0.642
	N	213	213
Tahap Sikap	Korelasi Pearson	-0.032	1
	Sig. (2-tailed)	0.642	-
	N	213	213

Berdasarkan Jadual 12, hasil analisis di atas menunjukkan N atau jumlah data ialah 213. Seterusnya, analisis juga menunjukkan bahawa  $r(211)=-0.032$ ,  $p=0.642$  ( $p>0.05$ ), maka **hipotesis**

**null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar.

## PERBINCANGAN

### Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Perbincangan ini adalah bagi menjawab soalan kajian pertama berhubung tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD. Kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Sepang, Selangor berada pada tahap tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti guru-guru mengetahui konsep dan matlamat PBD dilaksanakan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru mengetahui kaedah pelaksanaan PBD yang sesuai. Bukan itu sahaja, majoriti guru juga tahu membina instrumen PBD yang sesuai.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) terhadap 95 orang guru di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang pelaksanaan PBD adalah tinggi. Bukan itu sahaja, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Rozita et al. (2021) yang dijalankan terhadap kesediaan guru mentaksir murid dalam penulisan Bahasa Melayu di 91 sekolah menengah dari tujuh daerah yang berbeza. Hasil dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Hazuriana dan Khairul (2022) turut mencatatkan

min yang tinggi terhadap tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Nurazly dan Muhammad (2020) yang telah mengkaji tentang isu dan cabaran pentaksiran terhadap pentaksiran kanak-kanak di taska. Dapat kajian pengkaji menyatakan bahawa pendidik di taska tidak kompeten untuk menjalankan pentaksiran kerana pengetahuan yang terbatas dalam bidang tersebut dan kekurangan latihan profesional. Perbezaan dapatan kajian ini mungkin berlaku kerana kajian Nurazly dan Muhammad (2020) dijalankan terhadap responden yang berbeza. Oleh hal yang demikian, dapatan kajian yang diperoleh adalah tidak sama. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian oleh dan kajian Nurul Huda dan Anuar (2022). Kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang sederhana. Perbezaan dapatan kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor mata pelajaran yang berbeza.

### Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Kajian ini mendapati secara keseluruhannya tahap kemahiran guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan nilai min 4.20. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru boleh menetapkan objektif pentaksiran dan merancang PdP dengan rapi supaya masa untuk pentaksiran dijalankan adalah cukup. Guru-guru juga didapati mempelbagaikan kaedah pentaksiran mengikut kemahiran dan mempelbagaikan instrumen pentaksiran. Guru-guru turut menyimpan evidens, merekod tahap penguasaan dan melaporkan PBD. Bukan itu sahaja, sebahagian besar guru juga merancang tindakan susulan bagi meningkatkan tahap kemahiran murid. Secara keseluruhan, dapatan kajian dalam aspek kemahiran membuktikan bahawa guru-guru menguasai PBD dan berjaya melaksanakan PBD merangkumi ciri-ciri yang telah ditetapkan.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Sh. Siti Hauzimah (2019) yang menyatakan bahawa tahap kemahiran guru Bahasa Melayu di daerah Betong, Sarawak dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Hazuriana dan Khairul

(2022) yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi. Tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi dapat melancarkan proses pentaksiran terhadap murid secara telus dan tepat. Oleh hal yang demikian, data PBD yang diperoleh di daerah Sepang adalah tepat memandangkan majoriti guru Bahasa Melayu di daerah Sepang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBD.

Namun demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Anuar (2022) terhadap kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam PBD di daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan bahawa tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang sederhana. Perbezaan dapatan kajian ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor lokasi dan mata pelajaran. Hal ini demikian kerana kajian ini dijalankan di Sepang, Selangor, manakala kajian Nurul Huda dan Anuar dijalankan di Barat Daya, Pulau Pinang.

### Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Kajian ini telah menjelaskan bahawa sikap guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.07. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Sh.

Siti (2019) terhadap 95 orang guru Bahasa Melayu di daerah Betong, Sarawak. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Mohd Malik et al. (2020) yang menyatakan bahawa sikap guru terhadap

pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak disokong oleh kajian Nurul Huda dan Anuar (2022). Menurut Nurul Huda dan Anuar (2022), sikap guru dalam melaksanakan PBD berada pada tahap sederhana. Hal ini disokong oleh kajian Lee (2021) yang menyatakan bahawa guru tidak berkomitmen dalam melaksanakan PBD dan guru bukan opsyen lebih mementingkan mata

pelajaran teras yang diajar. Perbezaan dapatan kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang mampu mempengaruhi sikap guru terhadap pelaksanaan PBD. Bukan itu sahaja, persekitaran dan beban tugas guru juga boleh mempengaruhi sikap guru terhadap pelaksanaan PBD.

#### **Perbezaan Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina**

Kajian ini telah dilaksanakan terhadap 81 orang guru bahasa Melayu lelaki dan 132 guru bahasa Melayu perempuan di daerah Sepang. Berdasarkan dapatan kajian, hasil analisis ujian-t, nilai signifikan (2-tailed) adalah  $p=0.716$ ;  $p>0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi

daripada guru lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Anuar (2022). Dapatan kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru lelaki dan guru perempuan. Dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru lelaki dalam melaksanakan PBD adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan.

#### **Perbezaan Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina**

Kajian ini telah dilaksanakan terhadap 81 orang guru bahasa Melayu lelaki dan 132 guru bahasa Melayu perempuan di daerah Sepang. Berdasarkan dapatan kajian, hasil analisis ujian-t menunjukkan nilai signifikan (2-tailed) adalah  $p=0.0004$ ;  $p<0.05$ , maka **hipotesis null ditolak**. Hal ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan mempunyai tahap kemahiran yang lebih tinggi

daripada guru lelaki. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Anuar (2022). Dapatan kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran guru lelaki dan guru perempuan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru lelaki dalam melaksanakan PBD adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan.

#### **Perbezaan Sikap Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Berdasarkan Jantina**

Kajian ini telah dilaksanakan terhadap 81 orang guru bahasa Melayu lelaki dan 132 guru bahasa Melayu perempuan di daerah Sepang. Berdasarkan dapatan kajian, hasil analisis ujian-t nilai signifikan (2-tailed) adalah  $p=0.322$ ;  $p>0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD berdasarkan jantina. Dari segi min, guru perempuan mempunyai sikap

yang lebih positif daripada guru lelaki. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini adalah berbeza dengan dapatan kajian oleh Nurul Huda dan Anuar (2022). Dapatan kajian Nurul Huda dan Anuar (2022) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru lelaki dan guru perempuan. Dapatan menunjukkan bahawa sikap guru lelaki dalam melaksanakan PBD adalah lebih tinggi berbanding guru perempuan.

#### **Hubungan antara Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan Pengalaman Mengajar**

Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan perhubungan tahap pengetahuan guru bahasa Melayu melaksanakan PBD antara empat kumpulan pengalaman mengajar pada tahap  $r(211)=-0.084$ ,  $p=0.221$ . Dapatan ini menunjukkan aras signifikan 0.221 adalah lebih besar daripada signifikan  $p>0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan

antara tahap pengetahuan guru bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak mempengaruhi tahap pengetahuan guru melaksanakan PBD. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Ngo (2020) mendapati bahawa faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi dan



sikap guru terhadap pengajaran PKJR. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Marni (2020) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan

penerimaan guru Bahasa Melayu terhadap persekitaran pembelajaran maya tidak dipengaruhi oleh tempoh jangka masa guru mengajar.

#### **Hubungan antara Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan Pengalaman Mengajar**

Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan perhubungan tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD antara empat kumpulan pengalaman mengajar pada tahap  $r(211) = -0.205$ ,  $p = 0.003$ . Dapatan ini menunjukkan aras signifikan 0.003 adalah lebih kecil daripada signifikan  $p < 0.05$ , maka **hipotesis null ditolak**. Hal ini bermakna terdapat hubungan signifikan yang positif antara tahap kemahiran guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu

mempengaruhi tahap kemahiran guru melaksanakan PBD. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Nurazly dan Muhammad (2020) yang menyatakan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi pelaksanaan pentaksiran. Pendidik yang mempunyai pengalaman lebih lama boleh melakukan pemerhatian dan lebih peka terhadap perubahan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Tan dan Husaina (2020) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelaksanaan PBD berdasarkan pengalaman mengajar.

#### **Hubungan antara Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan Pengalaman Mengajar**

Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan perhubungan sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD antara empat kumpulan pengalaman mengajar pada tahap  $r(211) = -0.032$ ,  $p = 0.642$ . Dapatan ini menunjukkan aras signifikan 0.642 adalah lebih besar daripada signifikan  $p > 0.05$ , maka **hipotesis null gagal ditolak**. Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru Bahasa Melayu melaksanakan PBD dengan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa tempoh pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu tidak mempengaruhi sikap guru melaksanakan PBD. Kajian ini disokong

oleh kajian Ngo (2020) mendapati bahawa faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi pengetahuan dan sikap guru terhadap pengajaran PKJR. Kajian Tan dan Husaina (2020) juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pelaksanaan PBD berdasarkan pengalaman mengajar. Namun demikian, kajian oleh Nurazly dan Muhammad (2020) menyatakan bahawa pengalaman mengajar mempengaruhi pelaksanaan pentaksiran. Pendidik yang mempunyai pengalaman lebih lama boleh melakukan pemerhatian dan lebih peka terhadap perubahan kanak-kanak.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada pihak yang berkaitan. Antaranya, hasil kajian ini dapat memberi pencerahan dan tindakan susulan yang boleh diambil bagi menambah baik sistem PBD kepada KPM. Fara Izzati dan Siti Rahaimah (2021) dalam kajiannya juga menekankan bahawa dapatan kajian berkaitan pelaksanaan PBD mampu menjadi salah satu hasil maklumat yang lebih tepat untuk penilaian pihak penggubal dasar terhadap tahap kesediaan dan penerimaan para guru dalam melaksanakan PBD di sekolah. Penyemakan semula pelaksanaan dasar-dasar yang digubal sangat penting bagi memastikan suatu program atau dasar pendidikan yang diperkenalkan berkesan dan tidak merugikan mana-mana pihak yang terlibat.

Implikasi kajian kepada pihak sekolah ialah pihak sekolah dapat mengenal pasti masalah dan kelemahan guru dalam melaksanakan PBD. Justeru,

inisiatif tertentu perlu dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti kerja guru khususnya dalam melaksanakan PBD. Pihak pentadbir boleh menggalakkan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dalam kalangan guru. Sesungguhnya, amalan PLC perlu dilaksanakan bagi menjamin kualiti pengajaran guru melalui perkongsian ilmu antara rakan sekerja. Manakala, implikasi kajian ini kepada guru itu sendiri ialah guru perlu berusaha untuk melaksanakan PBD dalam PdPc mengikut prosedur yang ditetapkan. Hal ini penting kerana PBD merupakan penilaian terhadap tahap pencapaian murid sepanjang mengikuti proses PdP di bilik darjah. Data yang diperolehi perlu dianalisis dan guru perlu melakukan refleksi sendiri dari semasa ke semasa untuk meningkatkan pembelajaran murid serta kualiti pengajaran guru.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu dalam melaksanakan PBD di daerah Sepang, Selangor berada pada tahap yang tinggi. Sehubungan itu, diharapkan pihak yang

berkepentingan seperti KPM dan pentadbir sekolah berupaya memastikan dan membantu guru-guru sentiasa melaksanakan PBD di dalam kelas supaya pentaksiran dapat dilaksanakan secara telus dan adil.

## RUJUKAN

- Ahmad Affiq Mohd Yusoff, Fatin Nur Farhana Ruslan, Mohd Siddiq Abdul Aziz & Nur Izzaty Zipri. 2023. Kesediaan guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1): 25-37.
- Ali Md. Ruzlan & Veloo A. 2017. Teachers' Autonomy and Accountability in Assessing Students' Physical Education in School-Based Assessment. *Teacher Development and Towards Professional Empowerment Practices Perspectives Cross Borders*. London: Springer.
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Abdullah & Wan Fadhlurrahman W. Md. Rasidi. 2020. *Transformasi Pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah*. Shah Alam: Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus & Nurhidayah Mat Husin. 2022. Tahap pemahaman dan integriti guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2): 118-124.
- Ashma Said & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. 2023. Pemansuhan UPSR: kesediaan guru bahasa Melayu tahun enam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 181-191.
- Bryant, E.C. 1974. *Associations between Educational Outcomes and Background Variables (Monograph)*. Denver, CO: National Assessment of Educational Progress.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. 4th Edition*. New York: Pearson.
- Babbie, E. 2022. *The Basics of Social Research*. Boston: Wadsworth.
- Fara Izzati Marnizam & Siti Rahaimah Ali. 2021. Penilaian pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Matematik sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(2): 81-94.
- Fullan, M. 2001. *The New Meaning of Educational Change. 3rd Edition*. London: Roulledge Falmer.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. 2019. Pelaksanaan penskoran pentaksiran lisan Bahasa Melayu dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(2): 25-36.
- Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin. 2022. Kesediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4): 119-125.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. 2018. Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysian Journal of Science and Humanities*, 3(4): 6-22.
- Jeffery Tikok. 2018. Sikap dan jantina guru bahasa Melayu sekolah rendah daerah Serian terhadap pemilihan bahan bantu mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 13-21.
- Kalai Selvan Arumugham. 2020. Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal*, 3(1): 152-161.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kutty. 2022. Sikap guru Bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Malaysian Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 7(5): 1-18.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2011. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Ke-2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Panduan Penjaminan Kualiti Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*, 30: 607-610
- Lee Hoi Yeh. 2021. Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9(1): 46-57.

- Lee Hoi Yeh & Mohd Zahuri Khairani. 2018. Pelaksanaan PBD guru-guru PSV hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pelajaran berasaskan estetik. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 6(1): 1-10.
- Mohd Haidzir Yusof@Jusoh & Norasmah Othman. 2019. Isu dan permasalahan pentaksiran alternatif dalam sistem penilaian di Malaysia. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, hlm. 337-350.
- Mohd Malik Tu, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Ajilin Tawan & Norlijah Watinin. 2020. Investigating the relationship between teacher attitude, readiness, integrity, and school-based assessment. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5(35): 306-320.
- Ngo Jie Sheng. 2020. Perbezaan jantina dan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terhadap pengajaran pendidikan keselamatan jalan raya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2): 82-92.
- Norazly Nordin & Muhammad Safar Abdurahman. 2020. Isu dan cabaran dalam pentaksiran kanak-kanak di taska. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, hlm. 76-768.
- Nur Fatahiyah Mohamed Hata & Siti Nur Diyana Mahmud. 2020. Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam melaksanakan pendidikan STEM dari aspek pengetahuan, sikap dan pengalaman Mengajar. *Akademika*, 90 (Isu Khas): 85-101.
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad. 2022. Kesediaan guru sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Conference on Business Studies and Education*, 3-14.
- Pung Kodi Villasamy & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2023. Tahap kefahaman, kemahiran dan sikap guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1): 544-559.
- Rahman Naim Mat Ali. 2023. Bahasa Melayu, bahasa kita. *UiTM News Hub*, 1 Jun.
- Rozita Radhiah Said, Zuraini Jusoh, Azhar Md. Sabil & Shamsudin Othman. 2021. Teacher readiness in assessing students for Malay Language. *Pertanika Journals*, 29(3): 203-222.
- Salimiah@Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod. 2022. Perbezaan penerapan aktiviti didik hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 40-49.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. 2019. Pengetahuan, kemahiran sikap dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1): 56-67.
- Tan Jia Yuh & Husaina Banu Kenayathulla. 2020. Pentaksiran bilik darjah dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3): 70- 90.
- Vokola, M. 2013. Multilevel readiness to organizational change: A concept approach. *Journal of Change Management*, 13(1): 96-109.